

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 14.10.2014

SOALAN :

Y.B. Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian mengambil perhatian terhadap situasi di mana bilangan pelajar imigran melebihi pelajar tempatan di sesetengah sekolah di Sabah, contohnya di SK Pekan Kinarut, Papar; dan
- (b) berikan statistik atau data berkenaan, dan apakah langkah bagi menangani keadaan sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil perhatian yang serius untuk memberi peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia. Bilangan murid imigran di sesetengah sekolah di Sabah adalah ramai kerana kawasan tersebut merupakan kawasan tumpuan pekerjaan. Walau bagaimanapun, semua kemasukan murid warganegara dan bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 dan Akta

Imigresen 1959/63. Di samping itu, pengurusan kemasukan dan penerimaan murid ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan turut menggunapakai:

- i) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998;
 - ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14/2002 (Pelaksanaan Pendidikan Wajib); dan
 - iii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/2009. (Kemasukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen)
- (b) Berdasarkan maklumat data e-operasi 31 Januari 2014, statistik murid bukan warganegara di sekolah kerajaan dan batuan kerajaan seluruh negeri Sabah ialah seramai 1,484 murid. Bagi mengatasi masalah ini, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah telah melaksanakan audit enrolmen imigran Sabah dan memberi kerjasama kepada Jabatan Imigresen Malaysia dalam menjalankan Program 6P (Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran).